

# Pasang CCTV langkah cegah jenayah

MINGGUAN MALAYSIA 13.1.2008 MS 5  
SEGAMAT 12 Jan. - Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman hari ini mengarahkan supaya Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) segera memasang kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi tertentu sebagai langkah pencegahan jenayah.

Beliau berkata, ini kerana langkah itu mampu menangani jenayah dan rakaman CCTV boleh dijadikan bukti siasatan kes seperti yang berlaku terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri Tenggara, Datuk S. Krishnasamy.

Menurutnya, penggunaan CCTV bukan sahaja menjadi langkah awal pencegahan jenayah, malah boleh dijadikan sebagai alat pengumpul maklumat bagi membantu siasatan pihak berkuasa mengesan jenayah yang telah berlaku.

Katanya, walaupun MBJB sudah mula memasang sejumlah 20 CCTV di beberapa lokasi strategik di pusat bandar raya Johor Bahru, namun berikutan kejadian yang menimpa mendiang Krishnasamy semalam, kerajaan negeri mengarahkan supaya pemasangan alat itu dilakukan secara lebih meluas.

"Dalam kejadian yang berlaku di bangunan MIC, saya dimaklumkan bahawa bangunan tersebut tidak mempunyai kemudahan CCTV kerana ia merupakan sebuah premis lama, namun berikutan kejadian semalam kita merasakan MBJB perlu memasang lebih banyak CCTV.

"Kerajaan negeri akan mendapatkan cadangan daripada polis lokasi yang perlu dipasang CCTV dan peruntukan akan disalurkan untuk pemasangan alat itu dengan kadar segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang Krishnasamy di kediaman mangsa di Bandar Putra IOI, di sini hari ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Hussin Ismail dalam sidang akhbar di Johor Bahru malam tadi mengesahkan tiada kemudahan CCTV di bangunan tersebut.

Abdul Ghani berkata, Barisan Nasional (BN) kehilangan seorang ADUN yang baik dan berjaya melaksanakan tugasnya dengan cemerlang sejak tiga penggal dipilih sebagai wakil rakyat di kawasan Tenggara.

Menurutnya, mendiang merupakan seorang pemimpin yang sentiasa berdamping dengan rakyat dan banyak membantu kejayaan parti komponen BN di negeri ini.

"Pada masa yang sama, kita tidak perlu membuat pelbagai taksiran mengenai kejadian ini kerana dalam negara yang aman makmur seperti di Malaysia, kes pembunuhan seperti ini lebih dianggap sebagai kes terasing," jelasnya.